

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK)

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Huraian FPK

Pendidikan Suatu Usaha Berterusan

Pendidikan merupakan suatu proses pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai murni dan kemahiran. Proses pemerolehan dan pemindahan ini berlangsung secara berterusan dalam diri seseorang sejak kecil hingga ke akhir hayat.

Pendidikan awal kanak-kanak sangat penting kerana asas sahsiah mereka mula terbentuk sejak berusia satu tahun hingga enam tahun. Sahsiah yang terbentuk di peringkat ini akan berkembang hingga ke akhir hayat. Selepas kanak-kanak berusia enam tahun, mereka dihantar ke sekolah. Di sekolah, mereka akan mencari dan menimba pelbagai ilmu pengetahuan yang berfaedah. Di sepanjang tempoh persekolahan, kanak-kanak akan terus dipupuk dengan nilai murni untuk memperkembang sahsiah yang baik. Di samping memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan dan nilai murni, bakat dan keupayaan mereka diperkembangkan. Usaha-usaha ini dijalankan secara berterusan di sepanjang tempoh persekolahan. Walaupun mereka telah meninggalkan alam persekolahan, pendidikan mereka masih belum selesai. Mereka perlu berusaha terus menerus untuk menambah dan meningkatkan ilmu, mengembangkan daya berfikir, memperbaiki serta memperelokkan lagi akhlak.

Proses pendidikan berlangsung terus menerus dalam diri seseorang kerana manusia perlu menyesuaikan diri mereka dengan pelbagai perubahan. Perubahan-perubahan ini akan mempengaruhi perkembangan insan yang mulia.

Perkembangan Potensi Individu

Sejak lahir setiap individu memiliki pelbagai bakat dan potensi. Bakat dan potensi ini boleh dikembangkan melalui perhubungan dan pergaulan dengan orang lain. Walaupun individu memiliki bakat dan potensi tetapi tidak semua kebolehan tersebut dilihat dengan jelas kerana kebanyakannya masih terpendam. Oleh itu usaha perlu dijalankan bagi mencungkil, memupuk, memperkembang dan mempertingkatkan.

Pendidikan memainkan peranan utama dalam memperkembang bakat dan potensi individu. Setiap bakat dan potensi boleh berkembang ke tahap cemerlang jika diberi peluang yang secukupnya. Oleh yang demikian usaha untuk memperkembang bakat dan potensi individu perlu dirancang dengan teratur dan bersungguh-sungguh.

Perkembangan Individu Secara Menyeluruh Dan Bersepadu

Potensi individu tidak boleh dikembangkan secara berasingan. Setiap potensi yang dikembangkan itu harus dihubungkan atau diselaraskan dengan potensi yang lain. Tujuannya adalah supaya perkembangan potensi itu tidak bertentangan di antara satu dengan lain. Malahan semua potensi akan berkembang secara bersepadu. Misalnya, perkembangan potensi intelek, rohani dan jasmani dalam permainan atau sukan tidak boleh dipisahkan dari aspek-aspek sosial seperti memperoleh pengetahuan untuk bermain dengan cara betul, cekap dan tangkas serta mempunyai semangat kerjasama, kekitaan dan berbakti terhadap negara.

Insan Yang Seimbang Dan Harmonis

Insan yang seimbang dan harmonis memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan, mempunyai fikiran dan jiwa yang tenteram, berbudaya penyayang, tubuh badan yang sihat dan cergas serta dapat bekerjasama dengan orang lain. Insan yang seimbang dan harmonis ini memiliki kesedaran dan prihatin tentang tugas dan tanggungjawab, serta sentiasa berusaha untuk melaksanakan tuntutan-tuntutan tersebut dengan sebaik mungkin. Ia memiliki ketahanan diri untuk menghadapi segala cabaran hidup dan sentiasa berikhtiar untuk mengatasi pelbagai masalah.

Unsur Intelek

Ciri-ciri unsur intelek:

- Mempunyai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira
- Sentiasa berusaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu
- Sentiasa berfikir secara kreatif dan kritis serta berusaha untuk mengembangkan daya pemikirannya supaya individu mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas dan
- Berupaya memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan alam sekitar.

Unsur Rohani

Ciri- ciri unsur rohani:

- Menyedari dan menginsafi adanya Tuhan
- Menghargai dan mensyukuri pemberian Tuhan
- Menyedari dan prihatin tentang tanggungjawab
- Memupuk dan membina disiplin diri
- Membentuk akhlak mulia dan
- Memiliki jiwa yang tenang/ tenteram.

Unsur Emosi

Ciri-ciri unsur emosi:

- Memiliki tingkah laku yang terkawal dan berperasaan tenang
- Memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang
- Memiliki semangat kekitaan dan perpaduan dan
- Menghargai dan menilai keindahan.

Unsur Jasmani

Ciri-ciri unsur jasmani:

- Menjaga kesihatan badan
- Melakukan riadah
- Mengembangkan bakat dan kemahiran yang bersifat teknikal, manipulatif dan sosial
- Memanfaatkan kemahiran dan kecergasan fizikal untuk berdikari dan
- Menggunakan kemahiran dan kecergasan fizikal bagi kepentingan masyarakat.

Kepercayaan Dan Kepatuhan Kepada Tuhan

Ciri-ciri individu yang mempercayai dan mematuhi Tuhan:

- Mengakui tentang wujudnya Tuhan
- Mengakui bahawa manusia dan alam dijadikan oleh Tuhan
- Mengetahui bahawa hukum dan fenomena alam merupakan peraturan yang ditetapkan oleh Tuhan
- Menyedari bahawa manusia dijadikan untuk memakmurkan alam dan berusaha untuk melakukan kebaikan
- Menyedari bahawa manusia bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbuatannya dan
- Sentiasa berusaha untuk mengikuti dan mengamalkan ajaran agama serta berusaha untuk meningkat dan mengukuhkannya.

Rakyat Malaysia Yang Berilmu Pengetahuan

Ciri-ciri rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan:

- Mencintai ilmu pengetahuan
- Sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan
- Meningkatkan dan menyebarkan ilmu
- Memanfaatkan ilmu untuk kebaikan diri sendiri, orang lain dan kebaikan alam sekitar dan
- Mempunyai fikiran yang luas dan terbuka.

Rakyat Malaysia Yang Berketrampilan

Ciri-ciri rakyat Malaysia yang berketrampilan:

- Memiliki pengetahuan, kelayakan dan kemahiran dalam menjalankan sesuatu tugas

- Berkebolehan melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna dan
- Berpandangan jauh dan berinisiatif.

Rakyat Malaysia Yang Berakhlak Mulia

Ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlak mulia:

- Mempunyai pengetahuan dan keyakinan terhadap nilai murni
- Mempunyai kesedaran terhadap kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk
- Mengamalkan perlakuan yang baik dan
- Menghayati nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan.

Rakyat Malaysia Yang Bertanggungjawab

Ciri-ciri Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab:

- Menyedari bahawa setiap tugas dan tanggungjawab merupakan amanah dan dilaksanakan dengan sempurna
- Menjalankan tugas dengan amanah, bersih dan cekap
- Sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran
- Mematuhi peraturan dan undang-undang negara dan
- Berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Rakyat Malaysia Yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri

Ciri-ciri rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri:

- Mempunyai fikiran yang waras, jiwa yang tenang dan badan yang sihat
- Mempunyai daya ketahanan diri yang kuat untuk menghadapi cabaran hidup dan
- Sentiasa dapat mewujudkan perhubungan yang baik dengan orang lain.

Rakyat Malaysia Yang Dapat Memberi Sumbangan Terhadap Keharmonian Dan Kemakmuran Masyarakat Dan Negara

Ciri-ciri rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara:

- Sentiasa berusaha ke arah memupuk perpaduan rakyat melalui semangat kerjasama, toleransi, kekitaan dan hormat menghormati
- Sentiasa berusaha memajukan ekonomi ke arah perkembangan bangsa dan negara dengan menggunakan sains dan teknologi
- Sentiasa berusaha mengekalkan kestabilan negara
- Sentiasa berusaha mematuhi serta mempertahankan peraturan dan perlembagaan
- Sanggup mempertahankan maruah diri, agama, bangsa dan negara dan
- Sentiasa mengamal dan menghayati Prinsip- Prinsip Rukun Negara.